

Mahathir ingatkan rakyat Sabah

'Setiap usaha Kerajaan sia-sia tanpa kesedaran dari B-putera'

12 MEI 1977

KOTA KINABALU, Rabu. — (Dr. Mahathir Mohamad) berkata, panduan dan seruan Kerajaan untuk penglibatan yang lebih besar dari Bumiputera dalam sektor perdagangan dan perindustrian akan sia-sia saja jika tidak ada sambutan yang sungguh-sungguh.

"Panduan Kerajaan sebagaimana terkandung dalam Dasar Ekonomi Baru hanya akan tinggal panduan saja kecuali ada kesedaran yang kuat tentang masalah yang dihadapi oleh setiap orang yang terlibat di dalam membentuk negara ini.

"Begitu juga laungan yang sering dilaungkan oleh Kerajaan tentang

penglibatan Bumiputera dalam bidang perdagangan dan perindustrian, hanya akan tinggal laungan jika tidak ada kesungguhan dari semua pihak untuk membuat perubahan ke arah yang dikehendaki," tegas beliau.

Timbalan Perdana Menteri berkata demikian ketika berucap merasmikan Hotel Internasional Kinabalu berharga \$30 juta di sini, petang ini.

Kata beliau, Rancangan Malaysia Ketiga menegaskan usaha membuat perubahan penting di dalam pembangunan sosial dan ekonomi negara ini.

Kerajaan, tegas beliau, telah dan sedang berusaha dengan sungguh-sungguh untuk mendapatkan suatu rancangan yang realistik dan boleh dicapai dalam keadaan dan punca-punca yang terhad.

Untuk ini, tambah beliau, Kerajaan sentiasa merancang dan mengadakan infrastuktur asas dan juga memberi dorongan.

"Terpulanglah kepada rakyat untuk menjayakannya.

"Tidak ada rancangan walau betapa baik-pun akan dapat mencapai tujuan dan objektifnya kalau pelaksanaannya tidak berkesan dan tidak terlaksana seperti yang dijangkakan," tambah beliau.

Timbalan Perdana Menteri berkata, sektor swasta mempunyai tanggung-jawab memainkan peranannya kerana sesuatu kemajuan dalam sesebuah negara itu tidak kira ia berbentuk sosial atau ekonomi, adalah dicapai hasil daripada usaha sama Kerajaan dan rakyat.

Pada dasarnya, kata beliau, ada dua objektif yang hendak dicapai oleh Dasar Ekonomi Baru iaitu memyusun semula masyarakat dan menghapuskan kemiskinan.

Kedua-dua objektif itu, kata beliau, berkehendakkan kepada penggunaan rasional atas segala punca fizika dan manusia yang maksima. Hasil sebenarnya dari Dasar Ekonomi Baru ialah

untuk mewujudkan negara Malaysia yang lebih makmur semoga warganegaranya tidak kira apa juga keturunannya akan mendapat kekayaan negara secara saksama.

"Untuk mencapai hasil ini, setiap warganegara haruslah menyedari masalah yang wujud dalam struktur sosial dan ekonomi negara ini," tambah beliau.

Dr. Mahathir, bagaimanapun menyatakan, gembiranya kerana ada tanda-tanda yang lebih positif tentang sektor swasta bertindak penuh ke arah mencapai kehendak-kehendak dasar sosial dan ekonomi Kerajaan selepas terlaksananya Dasar Ekonomi Baru.

Kejayaan

Menyentuh projek hotel internasional itu, Dr. Mahathir berkata, ia merupakan satu kejayaan yang cemerlang yang dicapai oleh Bumiputera kerana 75% dari modalnya dibiayai oleh Bumiputera tempatan.

Beliau yakin projek yang menelan belanja \$30 juta itu merupakan satu daya penggerak yang penting bagi mempercepatkan pembangunan kerana ia memberi peluang pekerjaan, menghasilkan pendapatan dan menggalakkan pembangunan dan pembangunan di Sabah.

Dr. Mahathir berkata, Sabah mempunyai punca-punca yang baik bagi memajukan pelancongan kerana negeri ini kaya dengan berbagai kebudayaan dan tempat-tempat menarik semula jadi.

Beliau juga memuji pihak pentadbir hotel itu memberi latihan kepada para pekerjanya untuk menjadikan pekerja yang mahir dan terlatih yang sangat-sangat dikehendaki oleh Sabah yang sedang dalam pembangunan pesat.

Ketibaan Timbalan Perdana Menteri dan isterinya, Dr. Siti Hasmah telah diberi sambutan penuh istiadat pagi ini.

Sebaik saja kapal terbang TUDM yang membawa mereka mendarat ketua Menteri Sabah, Datuk Harris Salleh dan Datin Rutiah Harris menyambut Timbalan Perdana Menteri dan isterinya untuk lawatan rasmi lima hari ke negeri ini.

Dr. Mahathir kemudian memeriksa perbarisan kehormatan terdiri dari 55 orang pegawai dan anggota Batalion Kedua Askar Melayu Diraja di bawah perintah Kapten Mohamad Noh Sohor.

Selepas itu, Dr. Mahathir diringi oleh Datuk Harris Salleh berjalan di hadapan barisan gadis-gadis terdiri dari berbagai kaum, yang menaburkan bunga rampai.

Datuk Harris kemudian memperkenalkan Dr. Mahathir kepada Barisan orang-orang kenamaan negeri didahului oleh Timbalan Ketua Menteri, Datuk James Ongkili.

Dr. Mahathir kemudian diberi taklimat mengenai pembangunan negeri Sabah di Bilik Gerakan Negeri.